

# Susunan baru ekonomi dunia Asean capai persetujuan sementara



DATUK SERI  
DR. MAHATHIR

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Negara-negara Asean telah mencapai persetujuan sementara untuk membuat dasar mengenai susunan ekonomi baru dunia yang hampir sama dengan konsep negara-negara kumpulan 77, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri yang pulang hari ini selepas

menghadiri sidang khas ke-11 Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pembangunan ekonomi di New York, berkata Asean juga berpendapat bahawa sesi seperti ini adalah satu rundingan penting dalam usaha-usaha mewujudkan susunan ekonomi baru dunia.

Katanya dalam rundingannya dengan negara-negara Asean, negara-negara tersebut bersetuju sesi seperti ini hendaklah diadakan apabila difikirkan penting.

Bellau memberitahu para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur bahawa bellau juga telah menghadiri seminar berkenaan masalah kemiskinan seluruh dunia dan cara-cara mengatasinya di Pennsylvania sebagai lanjutan seminar yang diadakan dahulu.

Seminar tersebut disertai oleh Venezuela dan empat buah universiti terkenal.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menemui pegawai-pegawai General Electric Company — di New York. Syarikat itu telah menyatakan hajjat untuk melabur di negeri ini.

## Berhajaj

Bellau telah juga mengadakan perjumpaan dengan 50 orang ahli-ahli perniagaan dan pengusaha-pengusaha dan mereka telah diberitahu mengenai pendirian Malaysia terhadap pelaburan asing. Mereka telah menunjukkan minat untuk melabur di Malaysia, tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri telah juga melawat syarikat kilang membuat Roller Traktor yang bercadang melabur di negara ini.

Tempat-tempat lain yang dilawatnya ialah Pusat Penyelidikan IBM dan juga Boeing.

Di London pula, bellau telah melawat kilang membuat barang-barang besi kerana perusahaan ini dianggap penting oleh negara ini. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia